



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**BINAAN DAN JENIS FRASA KERJA DALAM
HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA**

KHUSHAIRI FADZAL

FBMK 2018 63



BINAAN DAN JENIS FRASA KERJA DALAM *Hikayat Merong Mahawangsa*

Oleh

KHUSHAIRI BIN FADZAL

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Teristimewa untuk emak, bapa dan emak mentua yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan ini. Kiriman doa yang tidak pernah putus kepada almarhum bapa mentua Md. Amin bin Morsidi.

Kepada isteri tercinta, Hamidah binti Md. Amin yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan.

Buat anakanda tersayang, Nur Nashrah, Muhammad Afiq, Muhammad Hadif, Muhammad Danish dan Nur Arifah yang sentiasa menjadi penawar hati. Semoga menjadi anak yang soleh dan solehah serta beroleh keberkatan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Juga kepada seluruh kaum keluarga serta rakan-rakan yang banyak membantu dan memberikan dorongan.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

BINAAN DAN JENIS FRASA KERJA DALAM *Hikayat Merong Mahawangsa*

Oleh

KHUSHAIRI BIN FADZAL

Oktober 2018

Pengerusi : Profesor Madya Che Ibrahim bin Salleh, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis binaan frasa kerja yang digunakan dalam bahasa Melayu klasik berdasarkan Hikayat Merong Mahawangsa (HMM). Kajian ini menggunakan Teori Sistemik Fungsional oleh Halliday, M. A. K. & Matthiessen, C. M. I. M., (2014) yang melihat bahasa dalam hubungan semiotik, yang mendukung makna tertentu. Frasa kerja bahasa Melayu klasik tidak dibina berdasarkan teori atau acuan nahu tertentu yang perlu dipatuhi. Apa yang ingin disampaikan merupakan fokus utama dalam pembentukan frasa kerja bahasa Melayu klasik. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah menganalisis binaan frasa kerja dan jenis frasa kerja yang terbentuk dalam HMM. Binaan frasa kerja dalam HMM terdiri daripada unsur inti yang menggunakan kata kerja sebagai unsur utama. Kata kerja boleh dibahagikan kepada kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Kata kerja perbuatan, menjelaskan perbuatan yang dapat dilihat secara fizikal, manakala kata kerja keadaan menerangkan peristiwa, pemerian, kepunyaan dan kognisi. Inti frasa kerja diikuti oleh keterangan yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata sifat dan preposisi. Setiap unsur keterangan mempunyai peranan untuk menyampaikan makna. Unsur keterangan tidak terikat kepada unsur nahu inti frasa kerja, sama ada bersifat transitif atau tak transitif. Selain itu, kata kerja bantu boleh hadir di hadapan inti frasa untuk menyatakan ciri suasana yang melatari perbuatan. Pilihan perkataan dalam binaan frasa kerja membentuk sistem dalam hubungan paradigmatic, iaitu pilihan perkataan berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Pilihan perkataan dalam sistem akhirnya membentuk struktur dalam hubungan sintagmatic iaitu perkaitan makna dalam setiap perkataan yang disampaikan. Jenis frasa kerja pula, ditentukan berdasarkan fungsi makna yang dinilai berdasarkan struktur sintagmatic. Dapatan utama kajian ini mendapati inti frasa kerja tidak terhad kepada satu kata kerja sahaja. Terdapat penggunaan dua hingga lima kata kerja yang hadir secara berderetan dan berfungsi sebagai inti frasa. Binaan sebegini wujud kerana terdapat sederetan perbuatan yang dilakukan, dan ingin diceritakan kembali seperti yang dilihat. Selain itu, binaan frasa kerja dalam HMM tidak terikat kepada fungsi nahan kata kerja yang bersifat transitif atau tak transitif. Justeru, kajian ini bersifat

deskriptif dengan penghuraian gejala bahasa yang digunakan dalam teks HMM. Hasil kajian ini akan memperkukuh pemahaman dan pengetahuan tentang binaan frasa kerja bahasa Melayu klasik berdasarkan makna yang ingin disampaikan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE CONSTRUCTION AND TYPES OF PHRASAL VERBS IN THE
*Hikayat Merong Mahawangsa***

By

KHUSHAIRI BIN FADZAL

October 2018

Chairman : Associate Professor Che Ibrahim bin Salleh, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research aims to analysis at the phrasal verb forms used in the classical Malay language based on the Hikayat Merong Mahawangsa (HMM). This study utilises M. A. K., Halliday's & C. M. I. M., Matthiessen, Systemic Functional Theory (2014) that sees language in a semiotic relationship, carrying a particular meaning. The classical Malay phrasal verbs are not formed based on any prescribed theories or grammatical forms. The delivery of meaning is the main focus of constructing the classical Malay phrasal verbs. As such, this study aims to analyse the forms and types of phrasal verb constructed in the HMM. The phrasal verb forms in the HMM consist of the core elements that utilise verbs as the central element. Verbs can be divided into action verbs and stative verbs. Action verbs describe actions that can be seen physically while stative verbs state events, descriptions, belongings and cognition. The phrasal verb core is followed by descriptions consisting of nouns, verbs, adjectives and prepositions. Each of these descriptive elements plays a role in conveying meaning and are not tied to the grammatical elements of the phrasal verb core, either transitive or intransitive. In addition, auxiliary verbs can appear in front of the core phrase to state the characteristics of the situations that elucidates actions. The choice of words in the phrasal verb forms creates a system in the paradigmatic relations, i.e. the choice of words based on meaning to be conveyed. The choice of words in the system ultimately creates a structure in the syntagmatic relations, i.e. associated meaning in each of the words conveyed. The types of phrasal verbs are determined by the meaning based on the syntagmatic structures. The main finding of this study highlights that the phrasal verb core is not limited to only one type of verb. There is evidence of two to five verbs appearing consecutively which function as the core phrase. These forms exist as there are consecutive actions that needed to be described as seen. Apart from that, the phrasal verb forms in the HMM is not bound to the grammatical functions of transitive or intransitive verbs. Hence, this is a descriptive study elaborating on the language properties used in the HMM text. The findings of this study will strengthen

the understanding and knowledge of the classical Malay phrasal verb form based on the meaning they convey.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji yang dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya tesis ini dapat diselesaikan.

Saya dengan seikhlas hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pengerusi penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh, serta ahli jawatankuasa penyeliaan, iaitu Prof. Madya Dr. Norazlina binti Hj. Mohd. Kiram dan Prof. Madya Dr. Abdul Rashid bin Daeng Melebek yang telah banyak memberikan bimbingan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat yang berguna sepanjang tempoh pengajian ini. Semoga jasa yang telah diberikan membawa kita ke syurga.

Tidak lupa juga kepada Prof. Emeritus Dr. Hashim bin Musa dan Prof. Madya Dr. Raja Masitah binti Raja Ariffin yang sentiasa melayani pertanyaan saya tentang tatabahasa dan memberikan pendapat yang bernas.

Penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah meluluskan cuti bergaji penuh untuk saya menyambung pengajian ini. Tidak lupa juga kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim yang sentiasa memberikan ruang dan peluang untuk saya menimba ilmu.

Akhir sekali, saya rakamkan penghargaan kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Kolej Kediaman, Perpustakaan Sultan Abdul Samad dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh pengajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Oktober 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Khushairi bin Fadzal bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Binaan dan Jenis Frasa Kerja dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood b Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Jun 2019

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Mohd Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Abdul Rashid bin Daeng Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Khushairi bin Fadzal, GS38832

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Norazlina binti Mohd Kiram

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Abdul Rashid bin Daeng Melebek

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI CARTA PAI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	5
	Persoalan Kajian	8
	Objektif Kajian	8
	Kepentingan Kajian	8
	Batasan Kajian	10
	Definisi Operasional	11
	1.7.1 Binaan	12
	1.7.2 Jenis	12
	1.7.3 Frasa kerja	12
	1.7.4 Hikayat Merong Mahawangsa	13
2	SOROTAN LITERATUR	16
	Pengenalan	16
	Frasa Kerja dalam Pelita Bahasa Melayu Penggal I	16
	Frasa Kerja dalam Nahu Melayu Mutakhir	21
	2.3.1 Frasa Kerja Endosentrik Selapis	23
	Frasa Kerja Berobjek	24
	Frasa Kerja Tanpa Objek	25
	Frasa Kerja Waktu	25
	Frasa Kerja Deritaan	26
	Frasa Kerja Pelaku	26
	Frasa Kerja Kekeperapan	26
	Frasa Kerja Durasi	27
	Frasa Kerja Sebab	27
	Frasa Kerja Tempat	28
	Frasa Kerja Peristiwa	28
	Frasa Kerja Menyaling	29
	Frasa Kerja Gaya	29
	Frasa Kerja Alat	30
	Frasa Kerja Penyertaan	30
	Frasa Kerja Kiasan	31
	Frasa Kerja Manfaat	31

	Frasa Kerja Kejadian	31
	Frasa Kerja Tujuan	32
	Frasa Kerja Cara	32
	Frasa Kerja Bilangan	33
	Frasa Kerja Kompleks Tak Setara atau Berlapis	33
	Frasa Kerja Kompleks Setara atau Majmuk	33
	Frasa Kerja dalam Tata Bahasa Dewan	36
	Frasa Kerja Tanpa Objek	36
	Frasa Kerja dengan Objek	38
	Frasa Kerja dengan Kata Bantu	40
	Frasa Kerja dengan Ayat Komplen	41
	Frasa Kerja oleh Abdullah Hassan et al.	45
	Frasa Kerja dalam Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia	48
2.6.1	Frasa Kerja Endosentrik Atributif	48
2.6.2	Frasa Kerja Endosentrik Koordinatif	50
	Frasa Kerja dalam Tata Bahasa Praktis Bahasa Indonesia	51
2.7.1	Frasa Kerja Berstruktur MD	52
2.7.2	Frasa Kerja Berstruktur DM	53
	Kata Kerja Bersiri	54
	Kata Kerja Gerak	57
	Kata Kerja dan Frasa Kerja Bahasa Melayu Kokos Australia	59
	Rumusan Kajian Literatur	60
	Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian Ini	63
3	METODOLOGI KAJIAN	64
	Pengenalan	64
	Reka Bentuk Kajian	64
	Kerangka Teori	64
	Struktur Paradigmatik	66
	Struktur Sintagmatik	67
	Konteks Situasi	68
	Kerangka Konseptual	69
	Pendekatan Kajian	71
	Kaedah Kajian	72
	Analisis Kandungan	72
	Persampelan	73
	Alat Kajian	75
	Tatacara Pengumpulan Data	76
	Penganalisan Data	78
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	80
	Pengenalan	80
	Binaan Frasa Kerja dalam HMM	81
	Inti Frasa Kerja	81
	Kata Kerja Perbuatan Sebagai Inti Frasa Kerja	81
	Kata Kerja Keadaan sebagai Inti Frasa Kerja	86
	Kata Kerja Bersiri sebagai Inti Frasa Kerja	91
	Keterangan Frasa Kerja	104
	Jenis Frasa Kerja	117

	Frasa Kerja Endosentrik Selapis	117
	Frasa Kerja Kompleks Setara	147
	Implikasi Dapatan Kajian	153
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	155
	Pengenalan	155
	Kesimpulan	155
	Cadangan	160
6	BIBLIOGRAFI	162
	LAMPIRAN	168
	BIODATA PELAJAR	232
	SENARAI PENERBITAN	233



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Frasa Kerja Menurut Zainal Abidin bin Ahmad (1965)	21
2	Frasa Kerja Mengikut Asmah Haji Omar	36
3	Frasa Kerja Mengikut Nik Safiah Karim et al	45
4	Frasa Kerja Mengikut Abdullah Hassan et al	48
5	Frasa Kerja Menurut Hasan Alwi et al., (2003)	51
6	Frasa Kerja Menurut Abdul Chear (2011)	54
7	Hubungan Paradigmatik Secara Vertikal	66
8	Hubungan Struktur Sintagmatik Secara Horizontal	68
9	Kerangka Konseptual	70
10	Frasa Kerja Endosentrik Berobjek	118
11	Pecahan Frasa Kerja dengan Satu Objek	120
12	Hubungan Paradigmatik Kata Kerja Transitif dengan Objek	122
13	Perkaitan Sintagmatik Inti Frasa Kerja dengan Unsur Keterangan	126
14	Subjenis Frasa Kerja yang Terbentuk daripada Kata Kerja+Kata Kerja	128
15	Paksi Pilihan Antara Inti Frasa dengan Unsur Keterangan	129
16	Gabungan Kata Kerja dan Kata Sifat	132
17	Pecahan Frasa Kerja Arah	138
18	Frasa Kerja Bilangan	142
19	Jenis Frasa Kerja Endosentrik Selapis	146
20	Pecahan Frasa Kerja Kompleks Setara	152
21	Makna dalam Frasa Kerja Kompleks Setara	159

SENARAI CARTA PAI

Carta Pai	Muka surat
1 Kata Kerja yang Membentuk Inti Frasa Kerja	80
2 Kata Kerja Perbuatan Sebagai Inti Frasa Kerja	86
3 Kata Kerja Keadaan Sebagai Inti Frasa	90
4 Kata Kerja Bersiri Sebagai Inti Frasa Kerja	103
5 Unsur Keterangan yang Mengikuti Inti Frasa Kerja	114
6 Penggunaan Frasa Kerja Endosentrik Selapis dan Kompleks Setara	153

SENARAI SINGKATAN

HMM	Hikayat Merong Mahawangsa
hlm	halaman



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Nahu merupakan bidang yang telah lama dikaji oleh pengkaji bahasa di serata dunia dan juga oleh pengkaji di Malaysia. Kajian dalam bidang ini sentiasa kekal relevan sejak dahulu hingga kini. Kepentingan menguasai nahu oleh penutur bahasa Melayu adalah untuk memastikan makna yang ingin disampaikan atau yang didengari dapat difahami dengan baik. Selain itu, ketinggian menguasai nahu dalam masyarakat Melayu menunjukkan ketinggian dalam peradaban bangsa. Karim Harun (2017) menyatakan bahawa dalam nahu terdapat fikiran manusia yang memiliki dan menulisnya. Kewujudan nahu dalam sesuatu bangsa menunjukkan kemajuan fikiran dan kebudayaan sesuatu bangsa. Masyarakat Melayu tradisional mempunyai nahu yang telah disepakati dan dapat menyampaikan maksud yang boleh difahami. Proses pembentukan nahu dalam bahasa Melayu memakan masa yang panjang, bermula daripada bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik hinggalah bahasa Melayu moden. Nik Safiah Karim et al., (2015) dan Asmah Haji Omar (2008a) menjelaskan bahawa bahasa Melayu kuno telah berkembang menjadi bahasa Melayu klasik dan telah digunakan di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera serta daerah Nusantara. Kemampuan bahasa Melayu untuk menyampaikan maksud dan idea penuturnya, terletak pada kekuatan nahu bahasa Melayu yang dapat menyusun setiap perkataan.

Sehubungan itu, penulisan tentang nahu bahasa Melayu terus berlaku sejak dahulu hingga kini. Penulisan nahu pada zaman dahulu mempunyai kaitan dengan urusan perdagangan, perundangan, penulisan kitab berunsur keislaman yang ditulis atas titah sultan. Sanat Md. Nasir (2009) menjelaskan bahawa penulisan nahu bertujuan untuk memenuhi keperluan pengguna bahasa Melayu dalam pelbagai ranah penggunaannya. Segala sistem pemikiran dan akal budi Melayu terserlah di dalamnya. Bahasa merupakan wadah untuk menyampaikan buah fikiran si penutur. Keindahan dalam menyusun bahasa merupakan ketinggian nahu bahasa itu untuk menjalin setiap perkataan menjadi rangkaian kata yang bermakna.

Nahu bahasa Melayu telah disusun dengan begitu baik sejak dahulu lagi. Buktinya, melalui susunan nahu yang baik pengarang istana pada zaman Kesultanan Melayu telah berjaya menghasilkan karya yang tinggi nilainya dan diiktiraf dalam dunia penulisan. Menurut Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (2006) tradisi penulisan naskhah Melayu ialah tradisi istana yang diusahakan oleh golongan raja dan bangsawan yang sebahagian besarnya menjadi dokumentasi kebijaksanaan pemerintahan beraja zaman silam. Kemahiran dalam menyusun frasa dan ayat menggambarkan ketinggian penguasaan nahu bahasa Melayu oleh penutur dan pengarangnya. Naskhah ini mengandungi pelbagai etika, peraturan dan undang-undang, di samping sejarah dan perilaku ekonomi, bahasa dan kebudayaan. Setiap inci kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu tercatat dalam naskhah Melayu lama. Usaha

menggali keintelektualan Melayu ini amat penting dalam siri menyaingi arus globalisasi yang mengalpakan generasi muda kepada kehebatan bangsa sendiri.

Legasi bahasa Melayu lama telah melahirkan bahasa Melayu tinggi yang diguna pakai pada hari ini dan menangkis tanggapan bahasa Melayu tidak mampu untuk menjadi bahasa dunia. Dilema yang dihadapi oleh pengguna bahasa Melayu kini ialah perasaan tidak yakin terhadap kemampuan bahasa kita. Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor (2014) menjelaskan bahawa bangsa Melayu sendiri tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai pengantar ilmu dan tidak menghormatinya walaupun bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmu semenjak dahulu lagi. Pengetahuan yang dangkal tentang kehebatan bahasa Melayu dalam menyusun nahunya menyebabkan masyarakat memandang rendah terhadap keupayaan bahasa sendiri. Kehebatan bahasa Melayu yang telah mencapai tahap yang tinggi dalam pemerintahan, perundangan, perdagangan dan penyebaran agama Islam pada zaman pemerintahan beraja di Asia Tenggara perlu digali dan disebar kepada umum. Salah satu cara untuk menunjukkan ketinggian bahasa Melayu itu adalah dengan memperlihatkan kehebatan masyarakat Melayu tradisional menyusun nahu bahasanya. Karya yang ditinggalkan begitu banyak dan masih belum dikaji dari sudut linguistik secara tuntas.

Nahu dapat dinyatakan sebagai satu konsep yang mempunyai peraturan yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Nahu juga menjadi asas untuk pengalihan bahasa yang indah dan boleh difahami oleh pengguna bahasa tersebut. Dengan itu, bahasa dapat dijadikan medium untuk menyampaikan idea dengan baik, mewujudkan gaya dan laras bahasa yang tersendiri. Oleh itu, nahu mestilah tepat, lengkap, mudah difahami serta mencerminkan kebolehan intrinsik penutur jati yang ideal. Kepentingan mempelajari dan mengetahui semua aspek nahu dengan betul adalah untuk memantapkan pemahaman berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Selain itu, dengan mengetahui selok-belok aspek nahu, proses memartabatkan bahasa Melayu akan dapat tercapai dan bahasa Melayu akan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat Malaysia. Untuk mencapai hasrat ini, setiap bahagian daripada nahu dalam bahasa Melayu harus dapat dihuraikan dengan rinci. Oleh itu, kajian yang mendalam daripada semua sumber, terutamanya karya Melayu klasik yang ada perlu dilakukan untuk memantapkan lagi nahu bahasa Melayu.

Kajian dalam bidang nahu merangkumi bidang pembentukan perkataan, frasa, klausa dan ayat. Hasan Alwi et al., (2003), Asraf (2007), Abdullah Hassan (2008), Asmah Haji Omar (2014) dan Nik Safiah Karim et al., (2015) mengkategorikan nahu terdiri daripada bidang morfologi, sintaksis dan semantik. Setiap bidang mempunyai fungsi masing-masing bermula daripada unit terkecil yang bermakna hinggalah unit yang paling tinggi dan mengandungi makna yang lengkap. Bidang morfologi mengkaji proses pembentukan perkataan, sintaksis pula menerangkan proses pembentukan frasa dan ayat manakala, bidang semantik menerangkan makna yang terdapat dalam sesuatu ayat yang ingin disampaikan. Bidang sintaksis merupakan saluran untuk menyampaikan perasaan, pandangan dan segala macam perkara yang ada dalam

fikiran. Setiap perkataan yang dirangkaikan perlu dilakukan secara sistematik supaya menjadi frasa yang dapat bergabung dengan frasa yang lain.

Bahasa Melayu seperti juga bahasa yang lain di dunia bersifat hidup, berkembang dan mengalami perubahan. Perkembangan dalam bahasa Melayu berlaku dalam bidang morfologi dan sintaksis, seiring dengan perkembangan zaman. Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2008) mengklasifikasikan perkembangan bahasa Melayu telah melalui 5 zaman, iaitu bahasa Melayu purba, bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik, bahasa Melayu zaman pramoden dan bahasa Melayu moden. Berbanding dengan bahasa Melayu purba dan bahasa Melayu kuno, perkembangan dalam bahasa Melayu klasik memperlihatkan ketinggian dalam penggunaan bahasa.

Nik Safiah Karim (2010) menjelaskan bahawa Melayu-Deutro dikatakan penutur bahasa Melayu purba. Walau bagaimanapun, tiada sebarang bukti sejarah berkaitan bahasa tersebut. Bahasa Melayu kuno pula ditemukan pada prasasti atau batu bersurat yang menggunakan huruf Pallava. Nik Safiah Karim (2010) menjelaskan bahawa bahasa Melayu kuno berkembang di Alam Melayu antara abad ke-7 hingga abad ke-13, iaitu pada zaman peralihan Hindu-Islam. Bahasa Melayu klasik berkembang setelah kedatangan Islam ke Asia Tenggara dan banyak membawa perubahan, terutamanya dalam bidang kosa kata. Bahan bertulis banyak ditemukan dalam bahasa Melayu klasik dan boleh dijadikan medium untuk mengkaji nahu Melayu klasik.

Nahu dalam bahasa Melayu klasik telah mencapai tahap yang tinggi dengan terhasilnya kitab yang diterjemah daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Hasil terjemahan kitab ini menunjukkan bahawa kekuatan nahu bahasa Melayu dapat mengungkapkan setiap maksud yang disampaikan dalam kitab asal tersebut. Menurut Asmah Haji Omar (2008a) kitab *Aqa'id Al-Nasafi* merupakan tulisan dalam bahasa Melayu yang terawal pernah dijumpai. Kitab ini ditulis pada 4 Rabiulakhir 998 Hijrah, bersamaan 10 Februari 1590, dengan menggunakan aksara jawi. Terdapat penggunaan kata ganda yang ditulis dengan mengulang bahagian yang digandakan. Selain itu, pembentukan kata dalam kitab ini terdiri daripada bentuk akar dan juga penggunaan imbuhan. Kitab ini telah menggunakan lambang *nya*, *ga*, *pa*, *nga* dan *ca* untuk membunyikan perkataan dalam bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam bahasa Arab. Hal ini menunjukkan, nahu bahasa Melayu pada abad ke-16 telah disusun dengan baik dan menggambarkan situasi penggunaan pada bahasa Melayu pada zaman tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian nahu bahasa Melayu perlu dilakukan sebagai sumbangan terhadap dokumentasi linguistik diakronis.

Ketinggian bahasa Melayu klasik ini terbukti dengan karya yang telah ditinggalkan sama ada berbentuk cerita hikayat, undang-undang pemerintahan atau warkah raja-raja. Sahlan Mohd Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2014) merakamkan bahawa tamadun bangsa Melayu telah pun tercatat dalam lembaran sejarah perihal keagungan dan keruntuhannya dalam karya kesusasteraan berbentuk tulisan. Selain itu, ketinggian bahasa ini terhasil kerana bahasa Melayu sejak dahulu lagi telah mempunyai sistem untuk menyampaikan maksud melalui ayat yang dapat difahami oleh masyarakat. Hal ini turut diperjelas oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2001)

bahawa bahasa Melayu klasik telah mempunyai ciri linguistik seperti sistem ejaan, pengimbuhan dan aspek pembentukan kata.

Sehubungan itu, masyarakat Melayu tradisional dapat menyampaikan segala buah fikiran dengan baik dan teratur kerana sistem bahasa yang dapat diterima pakai oleh masyarakat keseluruhannya. Hashim Musa (2003) menjelaskan bahawa karya dalam masyarakat Melayu tradisional bukan hanya untuk menyampaikan fikiran dan perasaan yang difahami oleh diri sendiri tetapi turut difahami oleh orang lain. Hal ini menunjukkan bahawa untuk menyampaikan maksud, sesuatu bahasa itu harus disampaikan secara sistematik supaya difahami oleh penutur bahasa tersebut.

Akhirnya, bahasa Melayu klasik telah menjadi landasan dan berkembang menjadi bahasa Melayu moden yang digunakan pada hari ini. Justeru, bahan daripada bahasa Melayu klasik ini sangat sesuai dikaji dari sudut linguistik, supaya masyarakat pada masa ini mengetahui dengan jelas nahu yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional. Awang Sariyan (2009) menjelaskan bahawa hubungan antara karya sastera Melayu klasik dengan ilmu linguistik ialah sejalan dan sehaluan sejak berabad-abad lamanya. Dalam karya sastera Melayu klasik tersimpannya nahu bahasa yang dibina secara beransur-ansur dan diterima pakai oleh masyarakat. Sewajarnya kajian terhadap nahu bahasa Melayu klasik perlu diteruskan untuk memantapkan bahasa Melayu.

Kajian dalam bidang sintaksis bahasa Melayu klasik dapat memberikan penjelasan kepada masyarakat pada hari ini bagaimana sesuatu ayat itu disusun dengan gabungan beberapa frasa. Frasa ini pula dapat diteliti berdasarkan proses pembentukannya dan golongan kata yang berfungsi sebagai inti frasa dan keterangan yang mengikutinya. Hal ini diperteguh dengan pendapat Awang Sariyan (2009) yang menyatakan bahawa rumus dalam komponen sintaksislah yang merangkaikan kata dan kumpulan kata-kata untuk membentuk ayat dan frasa yang tidak terbatas bilangannya. Hasilnya, proses pembentukan frasa yang asli dalam bahasa Melayu klasik dapat diperoleh tanpa campur aduk dengan teori bahasa dari Barat.

Kita sedia maklum bahawa penyelidikan tentang bahasa Melayu pada peringkat awal telah dijalankan oleh pengkaji barat sehinggalah beberapa lama kemudian muncul para penyelidik tempatan. Menurut Asmah Hj Omar (2011) kajian tentang bahasa Melayu boleh dikatakan agak giat dilakukan bermula pada abad ke-20. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji Melayu dan juga oleh orang Barat. Kebanyakan tulisan itu memberikan pedoman ringkas tentang cara membentuk perkataan dan ayat yang ringkas. Sedikit demi sedikit maka lahirlah nahu Melayu bermula dengan nahu tradisional yang ditulis oleh Zainal Abidin bin Ahmad (1965) atau Za'ba, hinggalah tatabahasa preskriptif yang digunakan untuk pengajaran di sekolah.

Walaupun bahasa Melayu kini telah menjadi bahasa Melayu moden, namun masih belum terlambat untuk kita mengkaji komponen sintaksis yang terdapat dalam bahasa Melayu klasik. Hasil kajian ini akan mendedahkan pembentukan frasa kerja terjadi

berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Binaan frasa kerja hanya menyampaikan makna yang kecil daripada keseluruhan ayat. Walau bagaimanapun, makna yang kecil ini perlu disusun dengan baik supaya maksud yang ingin disampaikan ini mempunyai pertautan dan kesinambungan.

Pernyataan Masalah

Binaan dan jenis frasa kerja merupakan bahagian yang penting dalam binaan ayat. Frasa kerja menduduki bahagian predikat untuk menyatakan makna perbuatan dan merupakan wahana untuk menyatakan buah fikiran penutur. Menurut Hashim Haji Musa (2006) sarjana bahasa sejak dahulukala telah menyedari adanya hubungan erat antara fikiran dan bahasa. Frasa dan ayat merupakan lambang bunyi untuk menyampaikan segala fikiran yang terpancar keluar daripada akal. Frasa kerja dalam HMM merupakan bentuk asli yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional. Binaan frasa kerja dalam hikayat ini mementingkan makna yang ingin disampaikan. Makna disampaikan secara deskriptif dan bebas daripada acuan nahu preskriptif yang mementingkan peraturan atau hukum yang perlu dipatuhi.

Kajian dalam bidang sintaksis terutamanya binaan frasa dan jenis frasa kerja dalam HMM begitu meluas dilakukan. Kajian yang dilakukan terhadap HMM dan karya-karya klasik hanya tertumpu dalam bidang sastera seperti kajian watak, plot, latar masyarakat dan sebagainya. Menurut Jaludin Chuchu (2003) kajian dalam bidang linguistik berdasarkan bahan-bahan sejarah dan teks klasik tidak banyak dipelopori oleh pengkaji bahasa. Hal yang sama turut dinyatakan oleh Nor Hashimah et al., (2007) yang menyatakan kerancakan ilmu linguistik di Malaysia hanya dirasai selepas tahun 1980. Kekurangan kajian dalam bidang sintaksis terutama binaan dan jenis frasa kerja dalam HMM dan teks klasik yang lain boleh menyebabkan ketinggian ilmu dalam pembentukan frasa kerja dalam teks ini tenggelam begitu sahaja. Nor Hashimah et al., (2007) kajian dalam bidang bahasa yang dijalankan berdasarkan data empirikal, analisis teoritikal dan perdebatan akademik merupakan perkembangan yang sihat.

Frasa kerja dalam HMM mempunyai binaan yang kompleks dan menyukarkan pembaca, terutamanya golongan pelajar untuk mengenal pasti binaan frasa kerja yang digunakan. Binaan frasa kerja dalam hikayat ini terdiri daripada unsur inti dan unsur keterangan, serta boleh diawali oleh kata kerja bantu. Unsur yang membentuk frasa kerja dalam hikayat ini membentuk kesatuan makna yang utuh. Oleh sebab peredaran zaman, binaan frasa kerja kini telah mengalami perubahan dari segi susunan perkataan, berbanding frasa kerja yang terdapat dalam HMM. Kelemahan pembaca mengaitkan hubungan setiap perkataan dalam binaan frasa kerja, boleh menyebabkan kesukaran untuk memahami makna yang ingin disampaikan. Awang Sariyan (2009) menjelaskan gaya lama dalam frasa kerja bahasa Melayu klasik telah mengalami proses pengguguran dan peralihan struktur frasa. Hal ini boleh mengelirukan pembaca pada masa ini untuk memahami maksud yang terkandung dalam frasa kerja tersebut. Sehubungan dengan itu, pemahaman terhadap makna leksikal unsur binaan frasa kerja dan fungsi makna yang ingin disampaikan berdasarkan jenis frasa kerja perlu dikenal pasti supaya makna yang ingin disampaikan lebih jelas.

Selain itu, inti frasa kerja dalam HMM juga boleh mengelirukan pembaca dari segi hukum nahu. Kata kerja yang menjadi inti frasa dalam bahasa Melayu klasik tidak terikat kepada fungsi nahuan secara tekal. Asmah Haji Omar (2014) menyatakan makna merupakan aspek penting dalam pembentukan frasa atau ayat. Berdasarkan HMM, fungsi nahu kata kerja yang menjadi inti frasa tidak memainkan peranan yang penting dalam hubungan unsur inti dan unsur keterangan. Hal ini bermaksud, sifat transitif atau tidak transitif sesuatu kata kerja tidak menjadi faktor utama untuk menghubungkan inti frasa kerja dengan golongan kata yang lain atau preposisi sebagai unsur keterangan. Frasa kerja dalam HMM mementingkan rantai makna untuk menyampaikan maksud. Ini bermakna, frasa kerja dalam HMM bersifat lebih bebas dalam menentukan hubungan inti dan penerang. Hal ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca, terutamanya golongan pelajar kerana binaan frasa pada masa ini terikat dengan sifat nahuan sesuatu kata kerja. Kini, para pelajar mempelajari bahawa, kata kerja transitif mesti dihubungkan dengan golongan kata nama sebagai objek. Manakala, kata kerja tak transitif boleh bergabung dengan kata sifat, kata sendi nama dan kata nama sebagai pelengkap. Sedangkan, frasa kerja dalam HMM tidak terikat dengan hukum nahu preskriptif yang diajarkan di sekolah pada masa ini.

Selain itu, inti frasa kerja terdiri daripada kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Golongan pelajar sekolah terutamanya kurang didedahkan dengan kata kerja keadaan. Pengetahuan tentang jenis kata kerja yang digunakan sebagai inti frasa sangat penting kerana pembaca dapat menentukan makna utama yang ingin disampaikan. Menurut Asmah Haji Omar (2014) kata kerja perbuatan ialah kata kerja yang menunjukkan gerak perbuatan dan boleh dilihat secara zahir. Manakala, kata kerja keadaan tidak menunjukkan gerak perbuatan yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi menerangkan makna perbuatan. Kata kerja keadaan menerangkan perbuatan yang berlaku dalam minda, pemerian, menyatakan peristiwa yang tidak dapat dijelaskan dengan perbuatan, contohnya *mati*, *hidup*, *ada*, *boleh* dan sebagainya. Sehubungan itu, kajian ini dapat menjelaskan secara terperinci fungsi kata kerja yang digunakan sebagai inti frasa.

Kelompangan dari segi kekurangan ilmu untuk memahami binaan dan jenis frasa kerja dalam HMM, menyebabkan pembaca tidak dapat memahami makna yang ingin disampaikan. Hal ini kerana kekurangan maklumat tentang frasa kerja dalam HMM berpunca daripada kekurangan kajian yang dilakukan. Binaan dan jenis frasa kerja dalam HMM berfokuskan makna yang ingin disampaikan. Setiap unit dalam frasa kerja mendukung makna tertentu. Awang Sariyan (2009) menjelaskan bahawa penelitian karya sastera Melayu dan teks klasik masih pada tahap membicarakan tema dan struktur yang meliputi plot, watak dan latar. Analisis tentang penggunaan ayat dan aspek nahu dihuraikan secara ringkas dan tidak sistematik, serta tidak berdasarkan mana-mana kaedah linguistik. Hal ini merupakan satu kerugian yang amat besar kepada nahu dunia Melayu kerana terdapat seolah-olahnya satu lompong kosong dalam sejarah bahasa Melayu yang perlu digali lagi. Binaan frasa kerja dalam bahasa Melayu klasik yang tersusun rapi memperlihatkan kaedah yang sistematik telah digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional.

Raja Masittah Raja Ariffin (2001) turut memberikan pendapat bahawa kajian khusus secara mendalam tentang aspek frasa kerja dalam bahasa Melayu klasik masih kurang dilakukan. Hanya terdapat beberapa makalah yang ditulis oleh pengkaji tempatan yang menyentuh ciri frasa kerja dan linguistik dalam bahasa Melayu klasik. Kajian dalam bidang linguistik tidak hanya tertumpu kepada apa yang berlaku pada masa kini, atau bagaimana bentuk cabaran pada masa akan datang sahaja. Justeru, kajian berdasarkan frasa dan ayat dalam bahasa Melayu klasik perlu diteruskan untuk mendapat pemahaman yang baharu.

Menurut Karim Harun (2017) kajian berkaitan binaan frasa kerja dan linguistik Melayu yang memberikan tumpuan kepada nahu Melayu abad ke-17 amat sedikit dilakukan walaupun ada banyak bahan untuk ditelusuri. Kajian terhadap nahu dianggap penting kerana di dalam nahu itu terdapat fikiran dan idea penuturnya. Perkembangan nahu dalam bahasa Melayu menggambarkan perkembangan bangsa Melayu melalui bahasanya. Sehubungan dengan itu, kajian nahu dalam frasa dan ayat bahasa Melayu klasik merupakan usaha menggali kebijaksanaan masyarakat Melayu tradisional.

Masalah untuk memahami maksud yang ingin disampaikan boleh menimbulkan tafsiran makna yang salah dan merugikan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, frasa kerja yang dibina menggambarkan bentuk perbuatan dan pergerakan masyarakat pada zaman dahulu: contohnya perlakuan ketika menghadap raja, pergerakan ketika berperang, pemerian perlakuan dan pelbagai perbuatan yang lain. Makna yang ingin disampaikan melalui susunan frasa kerja dalam HMM menjadi medium untuk merakam perbuatan masyarakat zaman dahulu. Oleh itu, frasa kerja merupakan wahana untuk menyampaikan maksud berkaitan perbuatan yang lahir dalam fikiran dan dizahirkan melalui susunan unsur yang membentuk frasa kerja. Hal ini dipertegas lagi oleh Hashim Haji Musa (2006) yang menyatakan bahawa fikiran masyarakat dengan bahasa mempunyai hubungan yang erat: fikiran sebagai kandungan bahasa (*content of language*) manakala, bahasa sebagai wahana fikiran (*vehicle of thought*). Oleh hal yang demikian, binaan frasa kerja dalam HMM merupakan alat yang merakam, menimbunkan dan mewariskan segala khazanah dalam sesuatu bangsa atau tamadun daripada satu generasi hingga generasi yang seterusnya. Kajian binaan frasa kerja dalam HMM merupakan salah satu langkah untuk memantap dan memartabatkan bahasa Melayu. Masyarakat Melayu tradisional telah mewariskan binaan frasa kerja kepada generasi kini dan kita perlu mengetahui secara rinci supaya tidak terlalu terikat dengan acuan yang ditempa oleh Barat.

Justeru, kajian tentang binaan dan jenis frasa kerja dalam HMM dapat memecahkan kebuntuan untuk memahami proses pembentukan frasa kerja dalam teks ini dan jenis frasa pula dapat memperjelas makna yang ingin disampaikan.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Bagaimanakah cara binaan frasa kerja bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa.
- ii. Apakah jenis frasa kerja bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. menghuraikan binaan frasa kerja bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa.
- ii. menganalisis jenis frasa kerja bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingan kepada masyarakat nusantara, serta pihak yang terlibat dengan penggunaan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi, pelajar sekolah atau masyarakat umum. Kajian ini memberi pendedahan kepada masyarakat nusantara dan pengkaji bahasa Melayu tentang binaan dan jenis frasa kerja yang terdapat dalam HMM. Frasa kerja dalam hikayat ini berfungsi untuk menyatakan idea, pandangan atau menceritakan kembali apa yang dilihat oleh penutur. Menurut Nik Safiah Karim (2010) bahasa Melayu berkeupayaan untuk mengungkapkan buah fikiran dan perasaan secara halus dan indah melalui lisan atau tulisan. Kajian tentang binaan frasa kerja dalam HMM dapat merungkai makna dengan lebih sistematik berdasarkan bukti empirikal. Setiap frasa kerja yang dibina mempunyai fungsi untuk menyampaikan makna perbuatan atau keadaan.

Pemahaman tentang unsur binaan frasa kerja dalam HMM memudahkan pengkaji, pembaca dan pencinta bahasa Melayu klasik untuk mengesan kata kerja yang digunakan dan perkataan lain yang boleh bergabung dengan kata kerja tersebut. Apabila sesuatu perkataan dalam binaan frasa kerja tersebut dapat dikenal pasti, hal ini memudahkan pembaca memahami maksud yang ingin disampaikan. Asmah Haji Omar (2014) menyatakan kata kerja merupakan unsur utama dalam pembentukan frasa kerja. Selain itu, Frasa kerja dalam hikayat ini boleh ditentukan jenisnya berdasarkan maksud yang terkandung. Selain itu, binaan frasa kerja yang dalam HMM dapat menambah perbendaharaan kata kerja serta dapat membandingkan penggunaan perkataan pada masa ini dengan yang digunakan pada masa dahulu.

Selain itu, kajian ini juga memberi maklumat baharu tentang kata kerja yang menjadi inti frasa. Jika dilihat berdasarkan fungsi nahan, kata kerja bersifat transitif atau tak transitif. Berdasarkan nahu preskriptif, kata kerja transitif mesti diikuti oleh objek sebagai keterangan. Kata kerja sebagai inti frasa dalam HMM tidak terikat kepada nahu preskriptif. Kata kerja dalam hikayat ini bersifat semitransitif iaitu boleh menerima objek inti frasa atau tanpa kehadiran objek. Pengguna bahasa Melayu, terutamanya para pelajar telah diasuh untuk memastikan kehadiran objek sesudah kata kerja transitif. Kegagalan meletakkan objek sesudah kata kerja ini merupakan satu kesalahan dalam tatabahasa preskriptif. Sehubungan itu, hal ini merupakan satu ilmu yang baru kepada para pelajar terutamanya dan dapat menambah pengetahuan tentang frasa kerja dalam bahasa Melayu klasik dalam kajian bahasa yang bersifat diskriptif.

Kajian ini juga memberi pendedahan kepada pengkaji dan pencinta bahasa Melayu tentang makna leksikal yang terdapat dalam kata kerja. Hal ini penting untuk difahami kerana kata kerja merupakan unsur utama dalam binaan frasa kerja. Menurut Hashim Haji Musa (2006) sesuatu perkataan itu tidak ada makna selagi kita tidak memahami '*its relational meaning*' atau makna perkaitannya. Sehubungan dengan itu, makna daripada kata kerja yang muncul dalam HMM memberi pendedahan dari segi bentuk perbuatan yang dilakukan, contohnya perbuatan yang melibatkan pergerakan atau statik, perbuatan yang disengajakan atau tidak sengaja dan sebagainya.

Selain itu, kajian ini juga menerangkan tentang kata kerja keadaan, iaitu kata kerja yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar jenis perbuatan yang dilakukan. Kata kerja keadaan dapat menerangkan perbuatan yang berlaku dalam minda, peristiwa dan pemerian: contohnya *fikir, ingat, hidup, mati* dan sebagainya. Oleh itu, cara melihat kata kerja tidak tertumpu kepada sifat nahunya sahaja, tetapi pengguna bahasa Melayu dapat melihat kata kerja daripada pelbagai sudut dan jenis perbuatan yang dilakukan.

Berdasarkan kepentingan kajian yang telah dinyatakan, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi lebih maklumat tentang binaan dan jenis frasa kerja kepada pihak yang berkaitan dengan bahasa Melayu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), dan institusi yang mempunyai kepentingan dalam bidang kebahasaan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dari segi pembentukan frasa kerja dan fungsinya kepada organisasi tersebut dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu. Selain itu, pihak DBP boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk memperluas proses pembentukan frasa kerja dalam nahu pegangan atau dijadikan sebagai kaedah sokongan pembentukan frasa kerja.

Pihak IPT pula dapat membuat banding beza dapatan kajian ini dengan kajian lain yang menggunakan teori yang berbeza. Kajian tentang binaan dan jenis frasa kerja yang dianalisis berdasarkan makna yang ingin disampaikan dapat menghasilkan percambahan ilmu yang akhirnya membentuk pemahaman baharu dalam bidang sintaksis. Bagi institusi yang mempunyai kepentingan dalam bidang kebahasaan pula, dapatan kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih dan meningkatkan penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan masyarakat. Contohnya, penggunaan

bahasa yang betul dan tepat dari segi tatabahasa pada papan iklan, tanda jalan, risalah, dan sebagainya.

Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada organisasi yang berkaitan kebahasaan di seluruh dunia yang mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan ini. Kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh mana-mana pihak untuk mendapat maklumat atau dijadikan sebagai panduan untuk kajian yang lain. Ahli linguistik di seluruh dunia, yang mengkaji frasa kerja Melayu klasik boleh merujuk kajian ini sebagai sumber. Ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang boleh memberi sumbangan kepada dunia dan lebih bersifat global.

Kajian ini juga boleh dijadikan bahan bukti oleh masyarakat Malaysia kini tentang ketinggian sistem bahasa yang telah dicapai oleh masyarakat pada zaman dahulu. Asmah Haji Omar (2008a) menyatakan bahasa Melayu telah memainkan pelbagai peranan sosial dalam komuniti hingga kepada bahasa sastera tinggi, bahasa agama dan falsafah, bahasa pemerintahan dan bahasa dalam pendidikan. Masyarakat Malaysia boleh berbangga dengan bahasa Melayu, kerana peradaban masyarakat Melayu telah dicapai melalui penggunaan bahasa yang teratur dan baik. Selain itu, kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat Malaysia khususnya, betapa berharganya pemikiran dan kebijaksanaan bangsa Melayu zaman silam yang boleh menjadi obor semangat kepada generasi kini.

Bangsa Melayu pada zaman dahulu telah berjaya menyusun bahasa mereka dengan begitu baik untuk menyatakan perkara yang penting dalam bidang keagamaan, perundangan, pentadbiran, kebudayaan dan kesenian. Menurut Hashim Haji Musa (2006) pemikiran tentang bahasa merupakan satu kegiatan falsafah kerana berkait dengan jati diri, alam sekitar sama ada yang nyata atau alam ghaib, akal, ilmu pengetahuan dan ketuhanan. Oleh itu, pengguna bahasa Melayu seharusnya mengangkat bahasa Melayu ke persada dunia, kerana bahasa Melayu pernah menjadi bahasa *lingua franca* pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan binaan dan jenis frasa kerja yang digunakan dalam HMM. Frasa kerja terbina daripada dua bahagian utama iaitu inti frasa kerja dan keterangan frasa. Inti frasa merupakan bahagian utama yang menjadi tonggak kepada terbinanya frasa kerja. Inti frasa kerja wajib menggunakan kata kerja sebagai unsur utama. Kata kerja terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan.

Kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada kata kerja tunggal yang terdapat dalam HMM supaya lebih terarah. Kata kerja tunggal merupakan bentuk asli yang lebih dahulu muncul untuk menyatakan sesuatu perbuatan dan jumlahnya tidak sebanyak kata kerja terbitan.

Selain itu, kata kerja tunggal merupakan bentuk yang paling asas, yang dapat berfungsi sebagai inti frasa kerja dalam menyusun maklumat dan menyatakan suatu fikiran. Kata kerja tunggal berfungsi untuk menyatakan makna perbuatan atau makna keadaan yang dapat dirincikan berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Pemilihan sesuatu kata kerja sebagai inti frasa mempunyai kaitan yang sangat erat dengan makna yang ingin disampaikan oleh penutur. Halliday, M.A.K. & Matthiessen, C.M.I.M., (2014) menyatakan ujaran yang dilafaskan mempunyai kaitan dengan konteks dan digunakan untuk bertukar-tukar makna dalam situasi tertentu.

Bahagian kedua yang membentuk binaan frasa kerja ialah keterangan frasa. Unsur keterangan frasa hadir selepas inti frasa kerja, yang berperanan untuk menerangkan bentuk perbuatan yang dilakukan, tempat atau arah perbuatan, objek yang kena terhadap sesuatu perbuatan atau sifat perlakuan. Keterangan frasa kerja menjadikan perbuatan yang dilakukan lebih jelas dan dapat menyampaikan makna dengan lebih terang. Sehubungan dengan itu, setiap unsur keterangan yang bergabung dengan kata kerja tunggal akan dikaji untuk melihat fungsi makna yang menyebabkan frasa kerja ini dibina.

Selain daripada unsur inti dan keterangan frasa, terdapat juga unsur yang hadir di hadapan inti frasa kerja. Unsur yang hadir di hadapan inti frasa ialah kata kerja bantu yang tergolong dalam binaan frasa kerja. Kata kerja bantu, boleh dibahagikan kepada kata kerja aspek dan kata kerja modalitas. Kata kerja bantu berfungsi untuk menerangkan ciri suasana sesuatu perbuatan itu dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak semua frasa kerja menggunakan kata kerja bantu kecuali yang berfungsi untuk menyatakan waktu atau suasana perbuatan itu dilakukan. Oleh itu, semua kata kerja bantu yang turut membentuk binaan frasa kerja akan dikaji untuk melihat makna yang ingin disampaikan.

Kajian frasa kerja dalam bahasa Melayu klasik ini akan dilakukan berdasarkan HMM versi R.J Wilkinson terbitan Yayasan Karyawan dan Universiti Malaya terbitan 1998. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1998) HMM versi R.J Wilkinson dikategorikan sebagai teks A, iaitu teks yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Pilihan ini dibuat atas dasar versi Wilkinson didapati paling konsisten dan paling banyak persamaan bacaannya dengan versi-versi yang lain. Hanya terdapat beberapa tempat sahaja yang mengalami kelompangan dalam versi Wilkinson berbanding dengan teks versi yang lain. Ketetapan ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan ilmu filologi yang dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Hikayat ini ditulis dalam tulisan jawi dan mempunyai 113 halaman.

Definisi Operasional

Definisi Operasional bertujuan untuk menjelaskan perkataan yang terdapat dalam tajuk kajian ini supaya lebih jelas dan tidak menimbulkan keraguan. Selain itu, definisi operasional ini juga dapat dijadikan garis panduan kepada penyelidik supaya berada di landasan yang betul sepanjang kajian ini dijalankan. Berdasarkan tajuk kajian ini

iaitu Binaan dan Jenis Frasa Kerja dalam Hikayat Merong Mahawangsa, setiap istilah yang digunakan akan dijelaskan, seperti yang berikut:

Binaan

Binaan merujuk kepada sesuatu perkara yang dibangunkan atau direka. Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010) menyatakan kata *binaan* membawa makna sesuatu yang dibina atau dibangunkan dengan susunan tertentu. Kamus Linguistik (1997:42) mendefinisikan perkataan binaan sebagai hasil pengumpulan morfem dalam sesuatu kata yang bermakna atau hasil pengumpulan kata yang bermakna dalam sesuatu frasa atau ayat. Oleh itu, kata *binaan* yang digunakan dalam tajuk kajian ini menerangkan unsur yang digunakan untuk membentuk sesuatu susunan. Unsur utama dalam binaan frasa kerja ialah kata kerja yang berfungsi sebagai inti. Unsur yang berada di hadapan dan di belakang inti juga termasuk dalam binaan frasa kerja. Sehubungan dengan itu, unsur binaan dalam kajian ini terdiri daripada kata kerja, kata kerja bantu, golongan kata nama, kata adjektif dan preposisi.

Jenis

Jenis merujuk kepada kepelbagaian dalam menghasilkan sesuatu benda. Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010) menjelaskan kata *jenis* membawa makna golongan sesuatu benda atau perkara yang mempunyai sifat-sifat tertentu. Kata *jenis* juga menerangkan perkara yang mempunyai ragam tertentu atau bentuk yang bermacam-macam. Sehubungan dengan itu, kata *jenis* dalam tajuk kajian ini menerangkan bentuk frasa kerja yang terhasil dengan ciri makna yang tertentu. Selain itu, *jenis* frasa kerja juga ditentukan oleh jumlah inti yang digunakan dalam frasa tersebut.

Frasa kerja

Frasa kerja merupakan kumpulan kata yang menggunakan kata kerja sebagai inti utama yang membentuk unit sintaksis. Kamus Linguistik (1997:78) mendefinisikan frasa kerja sebagai sekumpulan kata yang mempunyai fungsi sintaksis serta menjadi konstituen predikat, pelengkap atau adjung.

Asmah Haji Omar (2014) mendefinisikan frasa kerja sebagai konstituen yang mempunyai inti, terdiri daripada kata kerja untuk menyatakan makna tertentu. Inti dalam frasa kerja terdiri daripada kata kerja perbuatan yang menunjukkan gerak perbuatan atau kata kerja keadaan yang tidak menunjukkan sebarang gerak perbuatan.

Selain itu, Asmah Haji Omar (2008a) menyatakan bahawa frasa kerja terdiri daripada sekurang-kurangnya dua unsur, yang salah satunya mesti merupakan kata kerja. Unsur yang boleh bergabung dengan inti frasa kerja terdiri daripada kata kerja bantu yang hadir di hadapan inti frasa atau unsur keterangan yang hadir selepas inti frasa kerja.

Nik Safiah Karim et al., (2015) mentakrifkan frasa kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan intinya ialah kata kerja. Kata kerja boleh merupakan kata kerja tak transitif atau kata kerja transitif. Kata kerja tak transitif boleh hadir bersendirian atau diikuti oleh satu atau sederetan perkataan, manakala kata kerja transitif mesti diikuti oleh objek serta unsur-unsur lain. Contohnya, *menang, sedang tidur, terbakar perlahan-lahan*, dan sebagainya.

Abdullah Hassan et al., (2006) mentakrifkan frasa kerja ialah frasa yang mempunyai kata kerja sebagai inti frasa. Frasa kerja terbahagi kepada enam jenis, iaitu frasa kerja tak transitif tanpa pelengkap, frasa kerja tak transitif berpelengkap, frasa kerja transitif satu objek, frasa kerja transitif dua objek, frasa kerja dengan kata bantu dan frasa kerja dengan keterangan.

Berdasarkan pendapat pakar bahasa seperti yang telah dijelaskan, dapatlah disimpulkan bahasa frasa kerja mesti mempunyai inti yang terdiri daripada kata kerja. Kata kerja yang digunakan sebagai inti frasa boleh menggunakan kata kerja tunggal atau bentuk terbitan. Hal ini merupakan pilihan kepada pengguna berdasarkan makna yang ingin disampaikan. Kata kerja yang digunakan boleh dinilai berdasarkan makna leksikal atau fungsi nahuan. Sekiranya kata kerja tersebut dinilai berdasarkan makna leksikal, maka kata kerja boleh dikategorikan kepada kepada dua, iaitu kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Manakala, kata kerja yang dinilai berdasarkan makna nahuan dibahagikan kepada kata kerja transitif atau pun kata kerja tak transitif.

Hikayat Merong Mahawangsa

HMM merupakan hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang menceritakan asal usul keturunan raja-raja negeri Kedah berdasarkan mitos dan legenda. Siti Hawa Haji Salleh (1998) menjelaskan HMM dikarang untuk memenuhi peranan mengemukakan asal usul dan jurai keturunan raja-raja serta sejarah negeri Kedah.

HMM merupakan karya yang diiktiraf oleh pakar dan telah meninggalkan kesan budaya, pemikiran, pandangan dan falsafah hidup yang berkekalan dalam ingatan bersama sesuatu bangsa. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1998) karya ini dapat dianggap sebagai pembentuk dan cerminan budaya tamadun bangsa. Selain itu, karya ini melambangkan keunggulan daya cipta sesuatu bangsa untuk membentuk tradisi dan identiti yang tersendiri. HMM turut mengungkapkan pelbagai perkara, merangkumi ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuklah aspek bahasa. Frasa kerja dalam hikayat ini merupakan tinggalan masyarakat Melayu tradisional yang telah diabadikan melalui karya ini. Cetusan frasa kerja ini merupakan idea oleh masyarakat dan penulis yang meninggalkan pengaruh terhadap frasa kerja sama kini.

Siti Hawa Haji Salleh (1998) mengemukakan beberapa hujah untuk menyokong dan mengabsahkan pengiktirafan taraf karya agung kepada HMM. Beliau mengatakan, hikayat ini merupakan sebahagian daripada genre yang penting dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional, iaitu genre sastera sejarah. HMM mematuhi

konvensi kesusasteraan dan mengisi prinsip penulisan sejarah tradisional Melayu pada zamannya. Selain itu, penceritaan dalam hikayat ini mencerminkan pemikiran dan cara hidup masyarakat yang melahirkannya. Pemikiran dan cara hidup masyarakat disampaikan melalui cerita asal usul rajanya, kepercayaan terhadap sesuatu mitos, peperangan, penyebaran agama Islam dan sebagainya. Tamadun Melayu ini telah dirakam dalam karya kesusasteraan yang disampaikan dengan susunan bahasa yang baik, merangkumi penguasaan aspek tatabahasa terutamanya dalam susunan frasa kerja.

Selain itu, HMM merupakan hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang ditulis pada zaman bahasa Melayu klasik dan menjadi daya penarik untuk dikaji. Menurut Karim Harun (2017) karya yang ditulis dalam bahasa Melayu klasik menyimpan khazanah bahasa yang menarik untuk dikaji. Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2008) menyatakan bahasa Melayu klasik digunakan dengan meluas pada abad ke-14 hingga abad ke-19. Bahasa Melayu klasik bermula dengan masuknya agama Islam ke alam Melayu dan menerima kata pinjaman daripada bahasa Arab. Perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu klasik kebanyakannya masih boleh difahami hingga kini, berbanding bahasa Melayu kuno yang terdapat pada batu bersurat yang dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit dan agama Hindu.

Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2008) mengatakan bahawa zaman permulaan bahasa Melayu Klasik ditandai dengan prasasti Terengganu yang bertarikh pada 702 Hijrah bersamaan dengan 1303 Masihi. Prasasti ini menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dan mempunyai kata pinjaman daripada bahasa Arab. Bahasa Melayu klasik ini muncul dan terpisah daripada bahasa Melayu kuno apabila mula wujud penggunaan tulisan jawi pada awal abad ke-14. Sebelum itu, memang ada digunakan tulisan Arab, tetapi dikhususkan bagi menulis ayat Al-Quran pada batu nisan. Selain itu, bahasa Melayu klasik turut menerima kata pinjaman daripada bahasa Arab dan Farsi untuk menyatakan sesuatu perkara, terutamanya hal yang berkaitan dengan agama Islam. Bahasa Melayu klasik terus berkembang melalui perdagangan yang semakin meningkat dengan kedatangan saudagar Arab dan saudagar Islam dari India dan kawasan yang lain.

Bahasa Melayu klasik menggunakan tulisan jawi berdasarkan catatan yang ditemukan pada batu bersurat dan batu nisan. Pada peringkat awal perkembangan, iaitu zaman peralihan daripada bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu klasik, sistem tulisan yang digunakan dalam bahasa Melayu masih menampakkan pengaruh kebudayaan India. Namun apabila pengaruh Islam mula bertapak di Kepulauan Melayu, tulisan yang terdapat pada batu bersurat yang ditemukan sedikit demi sedikit mula memperlihatkan perubahan. Menurut Noriah Mohamad (1999) bahasa Melayu klasik merupakan bahasa Melayu yang sudah mempunyai aksara tersendiri berbanding dengan bahasa Melayu praklasik yang masih memanfaatkan aksara India dan aksara Arab. Dengan adanya aksara, maka bahasa Melayu sudah membentuk konsep bahasa standard apabila telah ada usaha yang dijalankan untuk mewujudkan model tulisan daripada sebutan.

Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2006) menjelaskan dalam catatan pelayaran Ibnu Battutah ke Pasai sekitar tahun 1345 - 1346, kemasukan agama Islam membawa kesan positif kepada alam Melayu. Antaranya, pendidikan mula berkembang dan lahirlah cendekiawan Melayu yang ahli dalam bidang agama Islam dan cabang ilmu pengetahuan yang lain. Istana kerajaan Samudera-Pasai, Melaka dan Aceh pula menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Istana menjadi tempat belajar ilmu pengetahuan dan dikembangkan ke seluruh negara dan tanah jajahan. Para ulama, cerdik pandai dan pujangga Islam berkumpul untuk mengajarkan ilmu, menjalankan kegiatan seperti perbincangan dan perbahasan dan menulis karya kesusasteraan, terutama jika mendapat galakan daripada raja mereka yang telah beragama Islam.

Zaman bahasa Melayu klasik menempuh kemajuan yang pesat berbanding dengan zaman bahasa Melayu kuno. Pada masa ini, perkembangan ilmu pengetahuan dan kegiatan intelektual dalam bahasa Melayu mencapai ke tahap yang tinggi. Banyak hasil karya dalam bahasa Melayu yang bersifat falsafah dan agama ditulis setelah wujudnya pengaruh Islam. Menurut Asmah Haji Omar (2008a) warkah dan kitab dalam bahasa Melayu klasik menggambarkan kemampuan bahasa tersebut untuk menyampaikan makna sama ada dalam urusan agama atau politik. Perkembangan ilmu pengetahuan dalam semua bidang bertambah pesat ketika zaman bahasa Melayu klasik. Oleh itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama di Asia Tenggara untuk urusan pengembangan ilmu.

Bahasa Melayu klasik merupakan zaman perkembangan bahasa dan digunakan dengan meluas untuk menyebarkan agama Islam, pemerintahan, perdagangan, perundangan, kebudayaan dan kesusasteraan. Penceritaan dalam HMM juga tidak terkecuali daripada unsur tersebut. Penyebaran agama Islam di negeri Kedah, pemerintahan beraja diceritakan dengan jelas dalam hikayat ini. Semuanya dapat dicapai kerana bahasa Melayu klasik mempunyai kemampuan untuk menyatakan bidang tersebut yang disokong oleh kekuatan dari segi kosa kata dan mempunyai susunan tatabahasa yang mantap.

Tuntasnya, HMM merupakan karya genre sejarah yang meninggalkan kesan kepada masyarakat hingga kini. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu klasik dalam hikayat ini merupakan khazanah bangsa yang perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk didokumentasikan, terutamanya dalam bidang nahu. Nahu dalam frasa kerja bahasa Melayu klasik yang tersimpan dalam teks klasik ini merupakan khazanah bangsa yang tidak ternilai dan perlu dijaga, sebagai warisan kepada generasi akan datang.

BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman. (2004). *Tamadun Melayu* (Jilid Enam). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2006). *Analisis Bahasa dalam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Chaer. (2011). *Tata Bahasa Praktis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Chear. (2012). *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain. (2008). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan. (2004). *Tatabahasa Bahasa Melayu Morfologi dan Sintaksis*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Abdullah Hassan. (2005). *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa Pedagogi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Abdullah Hassan. Seri Lanang Jaya Rohani, Razali Ayob & Zulkifli Osman, (2006). *Sintaksis*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Alexandra, Y.A., Dixon, R.M.W. (2006). *Serial Verb Constructions A Cross-Linguistic Typology*. Oxford New York: Oxford University Press.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008a). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008b). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Asmah Haji Omar. (2008c). *Bahasa Melayu di Samudera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008d). *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asraf. (2007). *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: SASBADI.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badrul Munir Muhamad Nur. (2005). *Kedudukan Al-Sunnah dalam Sintaksis Arab*. Pandan Indah Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Bhattacharjee, A., (2012). *Social Science Research: Principles, Methods, and Practices*. University of South Florida: http://scholarcommons.usf.edu/oa_textbooks/3
- Bordens, K. S, Abbott, B. B. (2002). *Research Design and Methods: A Process Approach*. United State of America: Indiana University.
- Darwis Harahap Mohamad. (2004). *Perbincangan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap. (2005). *Pembicaraan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding, C. M., Chambert-Loir, H., & Titik Pudjiastuti. (2014). *Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Menuskrip Lama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halliday, M. A. K. (1963). *Class in Relation to the Axes of Chain and Choice*: *Linguistik: An International Review*, Vol. 2-15.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An Introduction to Functional Grammar. Second Edition*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. & Matthiessen, C. M. I. M., (2014). *Introduction To Functional Grammar: Fourth Edition*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hancock, B., Ockleford, E., & Windridge, K., (2009). *An Introduction to Qualitative Research*. Yorkshire: NIHR.
- Harimurti Kridalaksana. (1985). *Fungsi Bahasa dan Sikap Bahasa*, Edisi Kedua. Jakarta: Nusa Indah.

- Hasan Alwi, Soenjono Dardjowidjojo, Hans Lapoliwa & Anton M. Moeliono. (2003). *Tata Bahasa baku Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Hashim Musa. (2003). *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Dahaman. (2015). *Canggihnya Bahasa Melayu. Sistem Tanda Baca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu. Kepelbagaian Unsur Hubungan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaludin Chuchu. (2003). *Dialek Melayu Brunei dalam Salasilah Bahasa Melayu Purba*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeniri Amir. (2009). *Bahasa Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jos Daniel Parera. (1991). *Sintaksis Edisi Kedua*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun. (2017). *Nahu Bahasa Melayu Abad ke-17*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerajaan Negeri Johor. (2009). *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Bahasa Dunia*. Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor.
- Lee L. F., & Raja Masittah Raja Ariffin. (2016). *Petunjuk Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MABBIM. (2010). *Rampak Serantau, Terbitan Pada Sidang ke-49 MABBIM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mark, S. (1987). *The Syntax Of Serial Verb*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maslida Yusof, Nor Hashimah Jalaluddin, Zahari Ahmad, & Karim Harun. (2010). *Analisis Situasi Kata kerja Gerak Bahasa Melayu*. dlm Jurnal Linguistik Disember Jilid 11, hal 1-17.

- Maslinda Yusof. (2015). *Perkaitan Semantik-Sintaksis Kata Kerja dengan Preposisi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. London: SAGE Publications.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). *Teori Sistemik-Fungsional dalam Stilistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (2010). *Sejarah Intelektual Konsep dan Skop*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noraïen Mansor & Noor Rohana Mansor. (2014). *Dialog Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Tinggi*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman. (2007). *Linguistik Teori dan Aplikasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Osamuyimen, T. S., (2001). *The Serial Verb Construction Parameter*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Patton, M. Q., (1990) *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills, California: Sage Publication.
- Philipp, M., (2014) *Qualitative content analysis: theoretical foundation, basic procedures and software solution*. Klagenfurt.URN: <http://nbn-resolving.de/urn:nbn:de:0168-ssoar-395173>
- Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*. (2008). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Pranowo. (2014). *Teori Belajar Bahasa*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2001). *Bahasa Melayu dalam Warkah Terpilih*. dalam Jurnal Bahasa Jilid 1 Bil 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 213-267
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2010). *Tokoh Pembinaan Bahasa Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Haji Salleh. (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim. (2006). *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Razak, & Norizan Rajak. (2013). *Kata kerja bersiri dalam Bahasa Melayu*. dlm Jurnal Bahasa Disember Jilid 13 Bil 2, hlm. 179-191.
- Sahlan Mohd. Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2014). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanat Md. Nasir. (2009). *Prosiding Persidangan Antarabangsa: Bahasa Melayu Bahasa Dunia*. Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor.
- Sarah, J. T. (2013). *Qualitative Research Methods: Collecting Evidence, Crafting Analysis, Communicating Impact*. West Sussex, United Kindom: Wiley-Blackwell.
- Sato Hirobumi. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Universiti Malaya.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2007). *Psikolinguistik, Memahami Asas Pemerolehan Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Steever, S. B. (1988). *The Serial Verb Formation In The Dravidian Languages*. New Delhi: Motilal Banarsidass.
- Yin, R. K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York & London: The Guilford Press.
- Zaharani Ahmad. (2013). *Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin bin Ahmad. (1960). *Pelita Bahasa Melayu Penggal II*. London: Macmillan and Limited.

Zainal Abidin bin Ahmad. (1965). *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*, Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Arba'ie Sujud, Hashim Musa, Mohd Zariat Abdul Rani & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015). *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, & Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu* (Edisi Kedua). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifley Hamid. (2008). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.



BIODATA PELAJAR

Khushairi bin Fadzal dilahirkan pada 10 Ogos 1970 di Tambun Ipoh dan dibesarkan di Beruas Perak. Menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Gangga dan Sekolah Menengah Raja Shahrman Beruas Perak. Setelah menduduki Sijil Persekolahan Malaysia pada tahun 1987, seterusnya diterima untuk melanjutkan pelajar dalam tingkatan enam di Asrama Penuntut Kerajaan Negeri Perak di Ipoh iaitu sekolah di bawah pengurusan kerajaan Negeri Perak. Setelah menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1989, ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di Indonesia dalam program *Government To Government* tajaan kerajaan Negeri Perak di bawah Biasiswa Anak Melayu Perak pada tahun 1990. Setelah lulus Ujian Masuk Perguruan Tinggi Negara Indonesia, ditawarkan untuk melanjutkan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang Bahasa dan Sastra di Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan Medan selama empat tahun. Setelah selesai kuliah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menempatkan penulis untuk bertugas di Sekolah Menengah Ahmad Boestamam Setiawan Perak pada 1 Disember 1994. Pada 19 Ogos 1995, penulis telah mendirikan rumah tangga dengan Hamidah binti Md. Amin dan dikurniakan lima orang cahaya mata. Ketika bertugas sebagai seorang guru, penulis pernah diamanahkan sebagai ketua panitia Kesusasteraan Melayu selama dua tahun dan ketua panitia Bahasa Melayu selama enam tahun. Pada tahun 2002, penulis telah menyambung pengajian peringkat sarjana dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan menamatkan pengajian pada tahun 2004. Pada tahun 2007, penulis telah ditugaskan untuk berkhidmat di Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Johor Bahru di Jabatan Pengajian Melayu hingga sekarang.

SENARAI PENERBITAN

- Khushairi Fadzal, Che Ibrahim Salleh, Hamidah Md Amin. (2019). Kata Kerja Perbuatan dan Kata Kerja Keadaan Sebagai Inti Frasa Kerja dalam Hikayat Merong Mahawangsa. *Jurnal Penyelidikan Kontemporari 2019 Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Johor*: 590-598
- Khushairi Fadzal, Che Ibrahim Salleh. (2018). Kata Kerja Bersiri dalam Hikayat Merong Mahawangsa. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 11/2018 Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Johor*: 183-194
- Chong, S.T., Khushairi Fadzal. (2017). Penggunaan Kaedah Piramid Warna untuk Mengatasi Masalah Perluasan Ayat dalam Kalangan Murid Tahun 4 SJK(C). *Jurnal Penyelidikan Temenggong* 1:20-30.
- Fanny L.L.E., Khushairi Fadzal. (2017). Kaedah Stimulus-Respons 8W1H untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat Majmuk Gabungan Menggunakan Kata Hubung. *Jurnal Penyelidikan Temenggong* 1:31-40.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

BINAAN DAN JENIS FRASA KERJA DALAM *Hikayat Merong Mahawangsa*

NAMA PELAJAR : KHUSHAIRI BIN FADZAL

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]